

**PENGESANAN TINGKAH LAKU AGRESIF  
BERASASKAN POLIGRAF DALAM KALANGAN  
PENGHUNI-PENGHUNI BERESILIENSI RENDAH DI  
SEKOLAH TUNAS BAKTI**

**LIM MEI MAY**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2015**

**PENGESANAN TINGKAH LAKU AGRESIF  
BERASASKAN POLIGRAF DALAM KALANGAN  
PENGHUNI-PENGHUNI BERESILIENSI RENDAH DI  
SEKOLAH TUNAS BAKTI**

**oleh**

**LIM MEI MAY**

**Tesis yang diserahkan untuk  
Memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Pendidikan**

**SEPTEMBER 2015**

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat kerana telah memberi kebenaran untuk menjalankan kajian.

Selain itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada penyelia utama Dr. Shahizan Hasan di atas segala tunjuk ajar, bimbingan serta teguran sepanjang penulisan tesis ini sehingga tamat.

Di sini, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Dr. Nordin yang telah memberikan bimbingan dari segi penguasaan metodologi kuantitatif dan kualitatif demi memyempurnakan penulisan tesis ini. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih kepada Dr. Syed Mohamad Syed Abdullah, Dr. Shahabuddin Hashim dan Dr. Rabiatul-Adawiah Ahmad Rashid yang memberi sokongan moral dan bimbingan ilmu mereka.

Akhirnya saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada Pengetua Sekolah Tunas Bakti Butterworth, Tuan Mohd Faizal Abu Bakar serta Timbalan Pengetua iaitu Puan Ramlah Awang yang telah memberi kerjasama sepenuhnya semasa saya menjalankan kajian ini di sekolah berkenaan.

**LIM MEI MAY**

September 2015

## ISI KANDUNGAN

## Halaman

Penghargaan.....	ii
Isi Kandungan.....	iii
Senarai Rajah.....	vi
Senarai Jadual.....	x
Abstrak.....	xv
Abstract.....	xvii

### BAB 1 PENGENALAN

1.0	Pendahuluan.....	1
1.1	Latar Belakang Kajian.....	2
1.2	Pernyataan Masalah.....	6
1.3	Objektif Kajian.....	8
1.4	Soalan-soalan Kajian.....	9
1.5	Rasional Kajian.....	10
1.6	Kepentingan Kajian.....	11
1.7	Skop Kajian.....	13
1.8	Definisi Konsep Dan Operasional.....	13
	1.8.1 Tingkah Laku Agresif.....	13
	1.8.2 Resiliensi.....	13
	1.8.3 Poligraf.....	14
	1.8.3 (a) Galvanograph.....	15
	1.8.3 (b) Pneumograf.....	16
	1.8.3 (c) Proses Pemeriksaan Poligraf.....	16
	1.8.4 Pemeriksa Poligraf.....	16
	1.8.5 Penghuni.....	17
	1.8.6 Sekolah Tunas Bakti.....	17
	1.8.7 Soalan Relevan.....	18
1.9	Kerangka Konsep Kajian.....	19

1.10	Rumusan .....	20
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>		
2.0	Pendahuluan.....	21
2.1	Definisi Tingkah Laku Agresif .....	21
2.2	Definisi Tingkah Laku Agresif, Kemarahan dan Perasaan Dendam .....	22
2.3	Tingkah Laku Agresif dalam Kalangan Remaja.....	22
2.4	Faktor-faktor Penyebab Tingkah Laku Agresif Remaja.....	26
2.4.1	Faktor Individu .....	27
2.4.2	Faktor Keluarga .....	27
2.4.3	Faktor Rakan Sebaya dan Institusi Pendidikan.....	29
2.4.4	Faktor Persekitaran dan Komuniti .....	30
2.5	Pengaruh ke Atas Tahap Resiliensi Remaja.....	31
2.5.1	Faktor Resiliensi Remaja.....	31
2.5.2	Faktor Ikatan Sosial.....	32
2.5.3	Faktor Keterampilan Personal.....	34
2.5.4	Faktor Keterampilan Sosial.....	35
2.6	Punca Keagresifan Remaja Berdasarkan Teori Hierarki Keperluan Maslow dan Teori Psikologi Individu Adler.....	36
2.6.1	Teori Hierarki Keperluan Maslow .....	36
2.6.2	Perkaitan Teori Hierarki Keperluan Maslow Dalam Masalah Keagresifan Remaja.....	39
2.6.3	Teori Psikologi Individu Adler.....	41
2.7	Penipuan (Deception) dalam Kalangan Kanak-kanak dan Remaja.....	43
2.7.1	Jenis-jenis Penipuan .....	44
2.7.2	Sebab Penipuan Kanak-kanak dan Remaja.....	44
2.8	Sejarah Poligraf dan Kegunaannya.....	45
2.9	Kajian-kajian Lepas Poligraf dalam Masalah Keagresifan Remaja.....	47
2.10	Kerangka Teoretikal Kajian.....	50

2.11	Rumusan.....	52
------	--------------	----

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pendahuluan.....	54
3.1	Reka Bentuk Kajian.....	54
3.1.1	Kaedah Kuantitatif.....	55
3.1.2	Kaedah Kualitatif.....	56
3.2	Pemerhatian (Observation) Pengkaji terhadap Responden.....	58
3.2.1	Temu Bual Mendalam.....	59
3.2.2	Perbincangan Kumpulan Fokus.....	60
3.2.3	Pemeriksaan Poligraf.....	61
3.3	Populasi dan Persampelan.....	62
3.4	Instrumen.....	63
3.4.1	Instrumen Untuk Penghuni Agresif Berdasarkan IPFI.....	64
3.4.2	Instrumen Untuk Pegawai Psikologi atau Pengurus Sekolah Tunas Bakti.....	66
3.4.3	Instrumen Untuk Pegawai JKM Negeri.....	66
3.4.4	Instrumen Untuk Penghuni Agresif Berdasarkan Poligraf.....	67
3.5	Proses-proses Pemeriksaan Poligraf.....	67
3.5.1	Fasa Pertama Pemeriksaan Prapoligraf.....	67
3.5.2	Fasa Kedua Pemeriksaan Poligraf.....	68
3.5.3	Fasa Ketiga Pemeriksaan Pospoligraf.....	70
3.5.4	Prasyarat Dalam Menjalankan Pemeriksaan Poligraf.....	70
3.6	Kajian Rintis.....	73
3.7	Pengumpulan Data.....	74
3.7.1	Prosedur Kajian.....	75
3.7.2	Data Primer dan Sekunder.....	75
3.8	Penganalisan Data.....	76

3.9	Proses Dalam Kerangka Kajian.....	78
3.10	Penterjemahan dan Validasi Soal Selidik Kajian.....	79
3.11	Rumusan.....	82

#### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.0	Pendahuluan.....	83
4.1	Dapatan Data.....	84
4.2	Rumusan.....	267

#### **BAB 5 PERBINCANGAN**

5.0	Pendahuluan.....	268
5.1	Perbincangan Dapatan Maklumat Kejadian Agresif Di Sekolah Tunas Bakti.....	268
5.2	Perbincangan Tentang Ketepatan Penggunaan Poligraf Ke Atas Tingkah Laku Agresif Di Sekolah Tunas Bakti.....	270
5.3	Perbincangan Tentang Tingkah Laku Utama Hasil Pengguna Poligraf Ke Atas Kelima-lima Penghuni Di Sekolah Tunas Bakti.....	273
5.3.1	Perbincangan Kes Mencuri.....	274
5.3.2	Perbincangan Kes Bergaduh.....	276
5.3.3	Perbincangan Kes Merokok.....	277
5.4	Perbincangan Dapatan Pospoligraf Semasa Di Sekolah Tunas Bakti.....	278
5.5	Saranan Penyelidikan Pada Masa Akan Datang.....	279
5.6	Rumusan.....	283
	Rujukan.....	284
	Lampiran	

<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>Halaman</b>
Rajah 1.1 Kerangka Konsep Kajian	19
Rajah 2.1 Mekanisme Faktor Pemprosesan Informasi Kognitif-Sosial Dalam Peningkatan Tingkah Laku Agresif	24
Rajah 2.2 Diagram Hierarki Keperluan Maslow yang direka oleh Alan Chapman	37
Rajah 2.3 Kerangka Teoretikal Kajian	50
Rajah 3.1 Proses Pengumpulan Data Kajian	78
Rajah 4.1 Jenis-jenis Kesalahan Penghuni Lihat di Sekolah Tunas Bakti	88
Rajah 4.2 Cadangan Langkah-langkah untuk Mengatasi Masalah Yang Dialami di Sekolah Tunas Bakti	89
Rajah 4.3 Jenis-jenis Program Yang Penghuni Ingin Diikuti	90
Rajah 4.4 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 1 Pemeriksaan 1, Julai 2013	93
Rajah 4.5 Graf Pemeriksaan Poligraf Subject 1 Pemeriksaan 2, Julai 2013	96
Rajah 4.6 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 1 Pemeriksaan 3, Julai 2013	99
Rajah 4.7 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 1 Pemeriksaan 1, September 2013	104
Rajah 4.8 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 1 Pemeriksaan 2, September 2013	107
Rajah 4.9 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 1 Pemeriksaan 3, September 2013	110
Rajah 4.10 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 1 Pemeriksaan 1, November 2013	117
Rajah 4.11 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 1 Pemeriksaan 2, November 2013	119
Rajah 4.12 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 1 Pemeriksaan 3, November 2013	122
Rajah 4.13 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 2 Pemeriksaan 1, Julai 2013	128
Rajah 4.14 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 2 Pemeriksaan 2, Julai 2013	131
Rajah 4.15 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 2 Pemeriksaan 3, Julai 2013	134
Rajah 4.16 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 2 Pemeriksaan 1, September 2013	139
Rajah 4.17 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 2 Pemeriksaan 2, September 2013	142
Rajah 4.18 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 2 Pemeriksaan 3, September 2013	145
Rajah 4.19 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 2 Pemeriksaan 1 , November 2013	150



Rajah 4.20 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 2 Pemeriksaan 2, November 2013	153
Rajah 4.21 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 2 Pemeriksaan 3, November 2013	156
Rajah 4.22 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 3 Pemeriksaan 1, Julai 2013	162
Rajah 4.23 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 3 Pemeriksaan 2, Julai 2013	165
Rajah 4.24 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 3 Pemeriksaan 3, Julai 2013	168
Rajah 4.25 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 3 Pemeriksaan 1, September 2013	173
Rajah 4.26 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 3 Pemeriksaan 2, September 2013	176
Rajah 4.27 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 3 Pemeriksaan 3, September 2013	179
Rajah 4.28 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 3 Pemeriksaan 1, November 2013	184
Rajah 4.29 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 3 Pemeriksaan 2, November 2013	187
Rajah 4.30 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 3 Pemeriksaan 3, November 2013	190
Rajah 4.31 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 4 Pemeriksaan 1, Julai 2013	197
Rajah 4.32 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 4 Pemeriksaan 2, Julai 2013	200
Rajah 4.33 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 4 Pemeriksaan 3, Julai 2013	203
Rajah 4.34 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 4 Pemeriksaan 1, September 2013	208
Rajah 4.35 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 4 Pemeriksaan 2, September 2013	211
Rajah 4.36 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 4 Pemeriksaan 3, September 2013	214
Rajah 4.37 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 4 Pemeriksaan 1, November 2013	219
Rajah 4.38 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 4 Pemeriksaan 2, November 2013	223
Rajah 4.39 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 4 Pemeriksaan 3, November 2013	225
Rajah 4.40 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 5 Pemeriksaan 1, Julai 2013	231
Rajah 4.41 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 5 Pemeriksaan 2, Julai 2013	234
Rajah 4.42 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 5 Pemeriksaan 3, Julai 2013	237
Rajah 4.43 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 5 Pemeriksaan 1, September 2013	242
Rajah 4.44 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 5 Pemeriksaan 2, September 2013	245
Rajah 4.45 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 5 Pemeriksaan 3, September 2013	248
Rajah 4.46 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 5 Pemeriksaan 1, November 2013	253

Rajah 4.47 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 5 Pemeriksaan 2, November 2013	256
Rajah 4.48 Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 5 Pemeriksaan 3, November 2013	259
Rajah 5.1 Sistem Pencegahan dan Pemantauan Tingkah Laku Penghuni (SPPTP)	281

<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>Halaman</b>
Jadual 3.1 Penterjemahan Item-item IPFI	80
Jadual 3.2 Pasukan Ahli Kepakaran	81
Jadual 4.1 Agihan Penghuni Mengikut Jumlah Populasi dan Jantina	84
Jadual 4.2 Agihan Penghuni Mengikut Umur	85
Jadual 4.3 Agihan Penghuni Mengikut Kes Jenayah	86
Jadual 4.4 Agihan Penghuni Kes Rogol, Mencuri dan Kes Pengambilan Dadah Ikut Umur	87
Jadual 4.5 Aras Resiliensi Penghuni Berasaskan IPFI	91
Jadual 4.6 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 1 Pemeriksaan 1, Julai 2013	94
Jadual 4.7 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 1 Pemeriksaan 2, Julai 2013	97
Jadual 4.8 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 1 Pemeriksaan 3, Julai 2013	100
Jadual 4.9 Rumusan Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 1 Mengenai Kes Mencuri, Bergaduh dan Merokok Pada Julai 2013	102
Jadual 4.10 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 1 Pemeriksaan 1, September 2013	105
Jadual 4.11 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 1 Pemeriksaan 2, September 2013	108
Jadual 4.12 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 1 Pemeriksaan 3, September 2013	111
Jadual 4.13 Rumusan Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 1 Mengenai Kes Mencuri, Bergaduh dan Merokok Pada Julai 2013	113
Jadual 4.14 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 1 Pemeriksaan 3, Julai 2013	117
Jadual 4.15 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 1 Pemeriksaan 2, November 2013	120
Jadual 4.16 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 1 Pemeriksaan 3, November 2013	123

Jadual 4.17 Rumusan Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 1	
Mengenai Kes Mencuri, Bergaduh dan Merokok Pada Julai 2013	125
Jadual 4.18 Rumusan <i>Opinion Rendering Criteria</i>	127
Jadual 4.19 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 2 Pemeriksaan 1, Julai 2013	129
Jadual 4.20 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 2 Pemeriksaan 2, Julai 2013	132
Jadual 4.21 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 2 Pemeriksaan 3, Julai 2013	135
Jadual 4.22 Rumusan Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 2	
Mengenai Kes Mencuri, Bergaduh dan Merokok Pada Julai 2013	137
Jadual 4.23 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 2 Pemeriksaan 1, September 2013	140
Jadual 4.24 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 2 Pemeriksaan 2, September 2013	143
Jadual 4.25 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 2 Pemeriksaan 3, September 2013	146
Jadual 4.26 Rumusan Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 2	
Mengenai Kes Mencuri, Bergaduh dan Merokok Pada September 2013	148
Jadual 4.27 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 2 Pemeriksaan 1, November 2013	151
Jadual 4.28 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 2 Pemeriksaan 2, November 2013	154
Jadual 4.29 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 2 Pemeriksaan 3, November 2013	157
Jadual 4.30 Rumusan Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 2	
Mengenai Kes Mencuri, Bergaduh dan Merokok Pada November 2013	159
Jadual 4.31 Rumusan <i>Opinion Rendering Criteria</i>	161

Jadual 4.32 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 3 Pemeriksaan 1, Julai 2013	163
Jadual 4.33 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 3 Pemeriksaan 2, Julai 2013	166
Jadual 4.34 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 3 Pemeriksaan 3, Julai 2013	169
Jadual 4.35 Rumusan Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 3 Mengenai Kes Mencuri, Bergaduh dan Merokok Pada Julai 2013	171
Jadual 4.36 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 3 Pemeriksaan 1, September 2013	174
Jadual 4.37 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 3 Pemeriksaan 2, September 2013	177
Jadual 4.38 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 3 Pemeriksaan 3, September 2013	180
Jadual 4.39 Rumusan Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 3 Mengenai Kes Mencuri, Bergaduh dan Merokok Pada September 2013	182
Jadual 4.40 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 3 Pemeriksaan 1, November 2013	185
Jadual 4.41 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 3 Pemeriksaan 2, November 2013	188
Jadual 4.42 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 3 Pemeriksaan 3, November 2013	191
Jadual 4.43 Rumusan Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 3 Mengenai Kes Mencuri, Bergaduh dan Merokok Pada November 2013	193
Jadual 4.44 Rumusan <i>Opinion Rendering Criteria</i>	195
Jadual 4.45 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 4 Pemeriksaan 1, Julai 2013	199
Jadual 4.46 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 4 Pemeriksaan 2, Julai 2013	200

Jadual 4.47 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 4 Pemeriksaan 3, Julai 2013	203
Jadual 4.48 Rumusan Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 4 Mengenai Kes Mencuri, Bergaduh dan Merokok Pada Julai 2013	205
Jadual 4.49 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 4 Pemeriksaan 1, September 2013	209
Jadual 4.50 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 4 Pemeriksaan 2, September 2013	212
Jadual 4.51 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 4 Pemeriksaan 3, September 2013	215
Jadual 4.52 Rumusan Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 4 Mengenai Kes Mencuri, Bergaduh dan Merokok Pada September 2013	217
Jadual 4.53 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 4 Pemeriksaan 1, November 2013	220
Jadual 4.54 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 4 Pemeriksaan 2, November 2013	223
Jadual 4.55 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 4 Pemeriksaan 3, November 2013	226
Jadual 4.56 Rumusan Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 4 Mengenai Kes Mencuri, Bergaduh dan Merokok Pada November 2013	228
Jadual 4.57 Rumusan <i>Opinion Rendering Criteria</i>	229
Jadual 4.58 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 5 Pemeriksaan 1, Julai 2013	232
Jadual 4.59 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 5 Pemeriksaan 2, Julai 2013	235
Jadual 4.60 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 5 Pemeriksaan 3, Julai 2013	238

Jadual 4.61 Rumusan Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 5	
Mengenai Kes Mencuri, Bergaduh dan Merokok Pada Julai 2013	240
Jadual 4.62 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 5 Pemeriksaan 1, September 2013	243
Jadual 4.63 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 5 Pemeriksaan 2, September 2013	246
Jadual 4.64 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 5 Pemeriksaan 3, September 2013	249
Jadual 4.65 Rumusan Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 5	
Mengenai Kes Mencuri, Bergaduh dan Merokok Pada September 2013	251
Jadual 4.66 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 5 Pemeriksaan 1, November 2013	254
Jadual 4.67 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 5 Pemeriksaan 2, November 2013	257
Jadual 4.68 Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 5 Pemeriksaan 3, November 2013	260
Jadual 4.69 Rumusan Dapatan Graf Pemeriksaan Poligraf Subjek 5	
Mengenai Kes Mencuri, Bergaduh dan Merokok Pada November 2013	262
Jadual 4.70 Rumusan <i>Opinion Rendering Criteria</i>	264
Jadual 5 Frekuensi Penggunaan Poligraf Ke Atas Kelima-lima Subjek Selama Tiga (3) Kali	271
Jadual 5.3.1 Perbincangan Kes Mencuri	

# **PENGESANAN TINGKAH LAKU AGRESIF BERASASKAN POLIGRAF DALAM KALANGAN PENGHUNI-PENGHUNI BERESILIENSI RENDAH DI SEKOLAH TUNAS BAKTI**

## **ABSTRAK**

Kajian ini memfokuskan keagresifan penghuni Sekolah Tunas Bakti yang beresiliensi rendah berasaskan poligraf. Poligraf merupakan suatu alat yang digunakan untuk mengesan dan merekod sebarang unsur ketidakjujuran atau penipuan akibat perubahan sistem badan manusia seperti kadar denyutan jantung dan pernafasan, pemeluhan kalenjar dan tekanan darah (Vrij, 2008). Reka bentuk secara dominannya adalah kualitatif di samping penggunaan kuantitatif secara kurang dominan untuk mengidentifikasi faktor-faktor yang mempengaruhi tahap resiliensi penghuni agresif. Jenis kaedah kuantitatif yang digunakan adalah berbentuk soal selidik *Individual Protective Factors Index* (IPFI) sebagai *screening* untuk mengenal pasti responden yang beresiliensi paling rendah yang akan menjalani pemeriksaan poligraf menerusi tiga fasa iaitu prapoligraf, poligraf dan pospoligraf. Kaedah kualitatif pula berbentuk temu bual dan penglibatan kumpulan fokus (*focus group*). Sampel yang terlibat iaitu secara kuantitatifnya adalah seramai 50 orang penghuni dan 5 orang telah dipilih untuk menjalani pemeriksaan poligraf. **Dapatan Fasa Pertama Prapoligraf** mendapati kes utama yang terlibat sebelum memasuki sekolah tunas bakti ialah mencuri, merogol dan dadah. **Dapatan Fasa Kedua Poligraf**, yang diasaskan dalam dua soalan kajian iaitu pertama tentang maklumat tingkah laku agresif dalam kalangan penghuni berkategori resiliensi rendah yang menghuni di sekolah tunas bakti itu disahkan benar. Dapatan dalam tingkah laku mencuri menunjukkan bahawa subjek S3 lulus ujian poligraf dan di mana wujud kejujuran dalam bulan Jun (M1) dan sangat tinggi di mana skor min adalah kurang daripada 1 tetapi kejujurannya kurang konsisten apabila menjalani pemeriksaan dalam bulan September (M2) dan bulan Disember (M3) 2013 di mana skor min semakin naik hingga hampir kepada skala enam (6). **Dapatan Fasa Ketiga Pospoligraf** yang berlandaskan 4 soalan kajian merumuskan dapatan-dapatan dalam soalan



kajian berikut. Pertama pandangan penghuni terhadap skor yang diperolehinya semasa pemeriksaan poligraf, dapatan menunjukkan yang terdapat pelbagai perasaan positif dan negatif yang diluahkan oleh mereka.

# **IDENTIFICATION OF AGGRESSIVE BEHAVIOUR BASED ON POLYGRAPH AMONG LOW RESILIENT STUDENTS AT SEKOLAH TUNAS BAKTI**

## **ABSTRACT**

This study focusses on aggression aspects among low resiliency adolescent based on polygraph examination school and the polygraph is a tool used to detect and also to record any dishonesty or fraud through the changes of human body system like heart rate and breathing, perspiration and blood pressure (Vrij, 2008). Referring to research methodology, the design that involved is qualitatively dominant and quantitatively less dominant in order to identify factors which influenced resiliency level of aggressived residents. Quantitative method, which is embeded by the Individual Protective Factors Index (IPFI) questionnaire is used as a 'screening' tool and to identify respondent that has lowest resiliency level and whom undergone examination polygraph in three phases namely prapoligraf, polygraph and postpoligraf. Qualitative method on the other hand involved interview and focus group techniques. Sample involved were 50 residents and 5 of them have been selected to undergo polygraph examination. Findings from **Prepolygraph Phase**. Major cases involved were steal, rape and drug misused cases. Finding from the **Second Polygraph Phase** was based on two research questions. The first was focussing on the aggressive behavior information among low resiliency level resident and Friedman's Test revealed that in context stealing behaviour the third subject (S3) passed the polygraph examination and mean score in honesty in June (M1) was very high where the mean score was less than 1 but the honesty result was less consistent when undergo examination in September (M2) and December (M3) 2013 and the mean score increasingly rise to the scale of six. The **third phase from Pospoligraf**, which was based on 4 research questions found that in the first part about resident viewed polygraph score that achieved during examination polygraph, result showed there were various positive and negative feeling that expressed by them.

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Tingkah laku agresif boleh dianggap sebagai salah satu masalah yang kritikal dalam sesebuah masyarakat (Parke & Slaby, 1983); (Geen & Donnerstein, 1998); (Baron & Neuman, 1998); (Baumeister, Bushman, & Campbell, 2000); (Anderson, 2004). Masalah ini telah menjadi asas kajian sosial khususnya dalam kalangan kanak-kanak dan remaja (Loeber & Hay, 1997); (Margolin & Gordis, 2000); (Guerra, Rowell Huesmann, & Spindler, 2003) (Wolfner & Gelles, 1993) dan ada di antara para pengkaji yang cuba memahami tingkah laku agresif kanak-kanak dan remaja dengan merujuk kepada pelbagai teori, misalnya bermula dari zaman Freud (1920), Moyer (1976), Eysenck dan Keane (1990) dan Pakaslahti (2000).

Di Malaysia, tingkah laku agresif yang melibatkan pelajar dapat dilihat daripada kes-kes jenayah yang dilaporkan dan juga masalah buli dan gangsterisme di sekolah (Yahaya, Azizi & Hashim, Shahrin, & Idris, 2008). Bagi mengatasi masalah ini, sekolah tunas bakti yang ditubuhkan di bawah Seksyen 65 (1) Akta Kanak-Kanak 2001 memainkan peranan penting sebagai institusi pemulihan akhlak bagi kanak-kanak atau remaja yang disabit atas kesalahan jenayah (Yahaya, Azizi, & Yow, 2004). Salah satu peranan yang dimainkan oleh institusi pemulihan akhlak ini ialah menjadi tempat penyesuaian untuk hadapi cabaran atau resiliensi untuk pelajar terlibat. Umumnya konsep resiliensi kerap digunakan dalam penyelidikan, sama ada dalam bidang sains dan teknologi, psikologi, sosiologi mahupun dalam bidang ekonomi (Rae-Grant, Thomas, Offord, & Boyle, 1989). Konsep resiliensi ini merujuk kepada kebolehan remaja dalam mengatasi cabaran dan tekanan hidup yang wujud dalam proses pertumbuhan (Cheng, et al., 2003). Hasil daripada kajian yang lepas membuktikan bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi resiliensi remaja boleh mendatangkan dua kesan sama ada kesan positif, iaitu

remaja dapat menyesuaikan diri dan menjadi individu yang berketerampilan tinggi, ataupun negatif iaitu berupaya melibatkan diri dalam tekanan emosi dan masalah tingkah laku (Beyers, Toumbourou, & Catalano, 2004).

Dalam bab pertama ini, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, rasional kajian, kepentingan kajian, kerangka kajian, skop kajian dan definisi konsep akan dibincangkan secara lebih lanjut. Ringkasnya, kajian ini akan melihat aspek-aspek resiliensi yang wujud dalam kalangan pelajar-pelajar agresif.

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Sekumpulan pengkaji melihat pertumbuhan tingkah laku agresif kanak-kanak dan remaja adalah berpunca dari aspek perkembangan biologi, misalnya mengikut March (1982) dan Dahl (2008), masalah agresif dalam kalangan penghuni bermula dari umur enam ke 12 tahun semasa perubahan kualitatif [biologi](#) dan [psikologi](#) seseorang kanak-kanak boleh diperhatikan dalam tempoh tersebut. Crick dan Ladd (1990) juga menyatakan bahawa perkembangan tingkah laku agresif yang terjadi dari umur sembilan ke 11 tahun. Pernyataan tersebut disokong oleh Brooks-Gunn (1986) dalam penyelidikan beliau yang bertajuk "*The Children of Adolescent Mothers: Physical, Academic, and Psychological Outcomes*".

Huesmann dan Guerra dalam penyelidikan mereka yang bertajuk "*Children's Normative Beliefs About Aggression and Aggressive Behavior*" (Huesmann & Guerra, 1997) menyatakan bahawa sifat agresif yang ada pada seseorang akan berterusan semasa mereka berada pada peringkat sekolah rendah. Namun begitu, mengikut Perry et al. (1986), sifat agresif akan mula bertukar ke penilaian sendiri yang positif apabila kanak-kanak menjangkau umur 13 tahun dan hasil dapatan ini menunjukkan sifat agresif mereka akan semakin berkurangan. Kajian beliau disokong oleh Lindeman, Hatakka dan Keltikangas-Järvinen (1997) yang menyatakan bahawa

kanak-kanak akan mula menggunakan strategi-strategi penyelesaian masalah yang rasional daripada bertindak secara agresif apabila mereka mencapai umur 14 tahun dan ke atas.

Menurut statistik Polis Diraja Malaysia, sebanyak 1,817 kes jenayah yang dilaporkan sepanjang bulan Januari hingga April pada tahun 2010 adalah dilakukan oleh kanak-kanak dan remaja yang berusia tujuh hingga 18 tahun manakala terdapat 604 kes, iaitu 33.24%, daripada jumlah kes jenayah yang dilaporkan tersebut melibatkan murid dan pelajar sekolah.

Mengikut pandangan Azizi Yahaya et al. (2008) dalam kajian yang bertajuk “Indeks Perlakuan Buli di Kalangan Pelajar-Pelajar di Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah di Malaysia”, beliau telah menerangkan bahawa salah satu tingkah laku agresif yang dimanifestasikan oleh murid adalah dalam bentuk buli. Menurut beliau, tingkah laku buli sama ada dalam bentuk fizikal dan verbal merupakan tingkah laku agresif yang kerap berlaku dalam kalangan pelajar pada peringkat sekolah menengah dan sekolah rendah di negeri-negeri seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan juga di Selangor. Tambahan lagi, mereka telah mengenal pasti punca-punca utama berlakunya tingkah laku buli ini adalah atas tujuan membalas dendam dan mencari wang tambahan serta mencari keseronokan atau kegagahan.

Seksyen 91 Akta Kanak-kanak 2001 yang diperuntukan oleh kerajaan Malaysia digunakan untuk menghukum kanak-kanak atau remaja yang disabitkan dalam kegiatan jenayah (Al-Adib Samuri & Mohd. Awal, 2011). Seksyen 91 Akta Kanak-kanak 2001 ini merupakan peruntukan yang diubahsuai daripada Akta Mahkamah Juvana 1947 yang telah dimansuhkan (Rahim, 2008). Di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947, Institusi Sekolah Henry Gurney dan rangkaian Sekolah Tunas Bakti telah ditubuhkan untuk memberi jagaan perlindungan dan rawatan serta

pemulihan kepada kanak-kanak dan remaja yang ditempatkan di institusi-institusi tersebut atas perintah mahkamah (Ismail, 2010).

Berkaitan dengan konsep resiliensi, beberapa komponen utama seperti ikatan sosial, keterampilan personal dan keterampilan sosial merupakan aspek-aspek yang membolehkan seseorang individu mengimbangi situasi tertekan yang sedang dialami olehnya untuk mengelakkan keadaan tekanan mental (Morrison, Storino, Robertson, Weissglass, & Dondero, 2000).

Tahap resiliensi merujuk kepada kebolehan seseorang individu dalam menunjukkan reaksi-reaksi yang positif dalam situasi tertekan (Wright-Cunningham, 2012). Mengikut Basca (2002), komponen resiliensi tersebut dapat dikenal pasti dan sekali gus memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai faktor-faktor yang mengakibatkan kelakuan agresif dalam kalangan remaja melalui instrumen tertentu seperti *Individual Protective Factor Index* (IPFI).

Poligraf, secara umumnya, merupakan satu peralatan yang dapat mengesan, memeriksa dan juga merekod perubahan fungsi fisiologi seperti kadar denyutan jantung dan pernafasan, pemeluhan kalenjar (skin resistance) dan tekanan darah (blood pressure) yang merupakan reaksi-reaksi fisiologi tidak terkawal yang wujud pada badan individu terhadap soalan-soalan yang dikemukakan kepadanya oleh pemeriksa poligraf dalam ujian poligraf (Furedy & Heslegrave, 1988). Menurut Skolnick (1961), semasa seseorang itu menjalani pemeriksaan dengan menggunakan ujian poligraf, perubahan fungsi biologi itu akan terpengaruh oleh sistem saraf secara automatik dan sistem ini akan dikenal pasti dan direkodkan oleh poligraf.

Menurut Wilcox et al. (1999), lebih daripada 75 tahun yang lalu, terdapatnya lebih daripada 250 kajian telah dilakukan untuk mengkaji ketepatan penggunaan poligraf. Pandangan pengkaji lain seperti Ansley (1990) sebelum kajian Wilcox et al. telah mengumpulkan dapatan daripada 10 kajian yang mengendalikan 2,042 kes-kes dan berhubung validiti dan reliabiliti penggunaan poligraf dari tahun 1980 hingga tahun 1990 dan beliau merumuskan bahawa keseluruhan validiti adalah sebanyak 98%. Beberapa dapatan lain yang berhubung dengan poligraf dengan remaja agresif dan soal mengkaji hubungannya akan dihurai lanjut dalam Bab Dua.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Di Malaysia, tingkah laku agresif yang melibatkan kanak-kanak dan remaja merupakan salah satu masalah sosial yang kritikal dan perlu diatasi dengan segera, memandangkan kanak-kanak dan remaja merupakan aset negara yang bakal memainkan peranan penting dalam mencorakkan masa depan politik, ekonomi dan kemasyarakatan. Namun demikian, tidak ramai penyelidik yang memberi perhatian kepada masalah yang dialami oleh remaja yang mendiami di sekolah tunas bakti (Azizi, 2008).

Sebuah kajian yang menyeluruh dalam usaha membuat identifikasi faktor-faktor yang mempengaruhi resiliensi penghuni agresif berdasarkan instrumen IPFI dan poligraf masih belum terdapat di Malaysia. Daripada kajian yang lepas, Hashim (2001) merupakan pemeriksa poligraf yang hanya mengkaji pra pekerjaan (pre employment) sahaja, tetapi tidak menggunakan mesin poligraf itu terhadap remaja. Menurut beliau, sejak 75 tahun yang lalu, lebih daripada 250 kajian telah dikendalikan tentang ketepatan pemeriksaan poligraf. Terdapat sedikit kajian mengenai penggunaan poligraf dalam pemilihan calon dalam pekerjaan. Pemeriksaan poligraf telah digunakan untuk menapis bakal pekerja untuk kejujuran. Hal ini

bermakna kajian yang dibuat oleh Hashim hanya menfokuskan kepada aspek pra pekerjaan orang dewasa dan tidak melibatkan remaja.

Pengkaji berpendapat bahawa ketelusan maklumat daripada responden penghuni agresif di sekolah tunas bakti dianggap kurang memberi gambaran yang sebenar kerana mengikut pandangan Flight dan Forth (2007), remaja agresif sukar untuk meluahkan maklumat secara menyeluruh dan mereka bercenderung untuk berahsia kerana kluatir akan ancaman terhadap mereka sendiri, misalnya remaja yang bertagihan dadah. Tambahan lagi, kebanyakan remaja agresif yang bertingkah laku antisosial tidak berupaya untuk memenuhi kehendak pihak keselamatan dan menghormati hak-hak orang lain (Vitaro, Brendgen, & Tremblay, 2002). Peterson et al. (2007) dalam penyelidikan mereka yang bertajuk “*Gang Membership as a Risk Factor for Adolescent Violent Victimization*” berpendapat bahawa remaja agresif yang terlibat dalam kajian yang menggunakan teknik lapor sendiri (self-report) kebiasaannya tidak bersikap jujur dan hal ini dapat menjejaskan validiti jawapan individu agresif tersebut justeru itu data yang diperolehi berkemungkinan kurang tepat atau kurang manifestasi dari segi pendedahan diri (self-disclosure). Dalam konteks sekolah tunas bakti, masalah utama pelajar agresif ialah masalah kejujuran. Misalnya mereka tidak akan bercakap benar jika mencuri, merokok dan bergaduh dan lain-lain.

Bertitik tolak daripada perbincangan di atas, pengkaji berpendapat bahawa penggunaan poligraf dalam kajian tingkah laku agresif dalam kalangan penghuni sekolah tunas bakti dapat dikenal pasti secara hampir keseluruhannya dan berupaya memberi gambaran yang lebih tepat dari segi *self-disclosure* (English, et al., 2003). Penyelidik juga berpendapat bahawa kajian yang dilakukan oleh penyelidik ketika ini merupakan satu-satunya kajian yang menggunakan pendekatan poligraf ke atas penghuni-penghuni sekolah tunas bakti di Malaysia.